

# UMSKAL sertai tarik tali Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun M'sia

NST 21-6-13 23

LABUAN: Pasukan tarik tali Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan mewakili UMS ke Kejohanan Sukan Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia kali ke-8 pada 24 Jun hingga 2 Julai di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Perlis.

Pengarah pasukan tarik tali UMSKAL, Maidi Latip berkata seramai 10 atletnya menjadi sandaran pada acara tersebut iaitu Casie Clarie shame Sinius, Abdul Rahim Warset, Mohd Riaduan Taib, Roji Sinun, Jamberi Sahari, Mazlan Jumat, Rayme Musa, Mohd Edwan Jamil, Azmi Idris dan Mohd Hafiz Basir.

Katanya, ini merupakan pertama kali UMSKAL atau D'1 KAL Tug Team menyertai acara tersebut di peringkat kebangsaan.

Beliau yang dibantu pengurus pasukan Mohd Ali Kassim berkata pasukan tarik tali UMSKAL merupakan johan acara tersebut di Kejohanan Sukan Staf UMS pada 2011 dan 2012 di Kota Kinabalu.

Katanya, pasukan itu juga pernah menyertai kejohanan tarik tali terbuka sempena

sambutan Hari Wilayah Persekutuan Labuan 2013.

Sementara itu, jurulatih, Mazlan Jumat berkata pasukan itu telah mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan tempatan termasuk Perbadanan Labuan, Kampung Bukit Kuda, Layang-Layangan, Kilan dan Sungai Bedaun.

"Kami akan cuba sedaya upaya untuk meraih kedudukan terbaik di kejohanan tersebut," katanya.

Pasukan UMSKAL berada dalam Kumpulan C bersama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali di pejabatnya di Tingkat 13, Bangunan Menara, Selasalalu.

Dr Ismail berharap semua peserta akan menjaga nama baik UMSKAL kerana mereka merupakan duta kecil kepada universiti.

-JAINUDIN DJIMIN



SOKONGAN... Dr Ismail (berdiri empat dari kiri) bersama pasukan tarik tali UMSKAL yang akan menyertai Kejohanan Sukan Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia 2013 di UniMAP, Perlis.